

ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA

PENGURUSAN KEBENARAN PINDAH HAIWAN, HASIL DAN PRODUK HAIWAN DALAM NEGERI

No. Dokumentasi: APTVM 22(d):1/2011

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA

ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA

PENGURUSAN KEBENARAN PINDAH HAIWAN, HASIL DAN PRODUK HAIWAN DALAM NEGERI

No. Dokumentasi: APTVM 22(d):1/2011

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA**

ISI KANDUNGAN

MUKASURAT

| | |
|--|----|
| Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar | iv |
| 1.0 Pengenalan | 1 |
| 2.0 Objektif | 1 |
| 3.0 Skop | 2 |
| 4.0 Definisi | 2 |
| 5.0 Kata Singkatan | 5 |
| 6.0 Arahan Prosedur Tetap Pengurusan Kebenaran Pindah Haiwan, Hasil Dan Produk Haiwan Dalam Negeri..... | 6 |
| 6.1 Arahan Am | 6 |
| 6.2 Pendaftaran Premis | 7 |
| 6.3 Pendaftaran Pengangkutan | 8 |
| 6.4 Pendaftaran Pemandu dan Pengendali Haiwan | 9 |
| 6.5 Pendaftaran Haiwan, Hasil dan Produk Haiwan | 9 |
| 7.0 Prosedur Pengurusan Kebenaran Pindah Haiwan, Hasil Dan Produk Haiwan Dalam Negeri..... | 10 |
| 7.1 Permohonan | 10 |
| 7.2 Pengurusan Akuan Kebenaran Pindah..... | 11 |
| 7.3 Sijil Kesihatan Veterinar | 12 |
| 7.4 Pemindahan Haiwan, Hasil Dan Produk Haiwan | 13 |
| 7.5 Pengesahan Penerimaan Haiwan, Hasil Dan Produk Haiwan | 14 |
| 7.6 Rekod dan Laporan | 15 |
| 8.0 Langkah Penguatkuasaan | 15 |
| 9.0 Kempen Kesedaran Awam | 16 |
| 10.0 Rujukan | 17 |

| | |
|---|----|
| Lampiran 1 : Carta Aliran Kerja Pengurusan Kebenaran Pindah Haiwan, Hasil Dan Produk Haiwan Dalam Negeri | 19 |
| Jawatankuasa Penyediaan APTVM Pengurusan Kebenaran Pindah Haiwan, Hasil Dan Produk Haiwan Dalam Negeri | 21 |
| Penghargaan | 21 |

**ARAHAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR
PENGURUSAN KEBENARAN PINDAH HAIWAN,
HASIL DAN PRODUK HAIWAN DALAM NEGERI**

Pemindahan haiwan, hasil dan produk haiwan dalam sesebuah negeri melibatkan pemindahan antara premis, mukim, daerah, jajahan, kawasan atau bahagian. Semua haiwan, hasil dan produk haiwan yang terlibat dalam pemindahan perlu menjalani pemeriksaan veterinar. Akuan Kebenaran Pindah (AKP) atau Akuan Kebenaran Sembelih (AKS) dan Sijil Kesihatan Veterinar (SKV) akan dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Veterinar sekiranya haiwan, hasil atau produk haiwan selamat untuk dipindahkan.

Semua pemindahan haiwan hendaklah disertakan SKV, bagi memastikan penyebaran penyakit dapat dicegah. Untuk pemindahan dalam negeri, pengurusan kebenaran pindah hanyalah di PPVD lokasi asal dan tidak perlukan AKP (masuk). Namun begitu daerah destinasi akan dimaklumi melalui atas talian. Bagi premis yang memiliki veterinar bertauliah, SKV tersebut boleh dikeluarkan oleh beliau.

Pengurusan kebenaran pindah ini bertujuan untuk mengawal peregakan penyakit dan untuk membolehkan dayajajak dijalankan. Semua premis, haiwan, hasil dan produknya serta pengangkutan yang digunakan untuk pemindahan perlu berdaftar dengan DVS. Menjadi tanggungjawab pegawai perkhidmatan veterinar mendaftarkan semua premis haiwan dan haiwan, hasil atau produknya bagi membolehkan dayajajak ke hadapan dan ke belakang dijalankan. Pengenalan haiwan boleh menggunakan nombor tag telinga, mikrochip, 'ear notch', passport, kumpulan, tatoo atau RFID. Manakala pengenalan hasil dan produk haiwan melalui pelabelan nombor barkod atau RFID.

Maka dengan ini diarahkan kepada semua yang akan menjalankan pemindahan haiwan dan produknya dalam negeri untuk mematuhi Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia – Pengurusan Kebenaran Pindah Haiwan, Hasil dan Produk Haiwan Dalam Negeri. Saya berharap dengan arahan ini prosedur pemindahan haiwan, hasil dan produk haiwan dalam negeri akan lebih jelas dan dapat menjana ekonomi negara dengan lebih mapan.



Dato' Dr. Abd. Aziz bin Jamaluddin
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Malaysia

ARAHAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR PENGURUSAN KEBENARAN PINDAH HAIWAN, HASIL DAN PRODUK HAIWAN DALAM NEGERI

1.0 PENGENALAN

Semua pemindahan haiwan dalam sesebuah negeri samada antara premis, mukim, daerah, jajahan, kawasan atau bahagian untuk tujuan pembiakan, pemeliharaan dan penyembelihan hendaklah dijalankan dibawah pengawasan Pihak Berkuasa Veterinar. Pemindahan hasil haiwan juga memiliki risiko yang sama dengan haiwan hidup dan perlu pengawasan. Pemindahan produk haiwan yang telah diproses pula perlu memiliki kemampuan dayajejak.

Pemindahan dalam negeri mempunyai risiko yang sama dengan pemindahan antara negeri, tetapi ia lebih mudah dipantau kerana berlaku dibawah pentadbiran negeri yang sama. Maka terdapat negeri yang kurang memberi penekanan aspek ini, sehingga menimbulkan masalah penguatkuasaan. Dalam memantau pergerakan haiwan dalam negeri terdapat kerumitan untuk membeza antara pindah antara negeri dan pergerakan dalam negeri.

Kegagalan untuk memantau pemindahan berkenaan akan mendedahkan haiwan yang masih sihat kepada risiko jangkitan penyakit haiwan dan zoonotik. Sementara keutuhan dayajejak negara juga akan diragui. Maka APTVM PENGURUSAN KEBENARAN PINDAH HAIWAN, HASIL DAN PRODUK HAIWAN DALAM NEGERI akan memberi panduan menyeluruh demi menjamin sistem dayajejak veterinar.

2.0 OBJEKTIF

Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia Pengurusan Kebenaran Pindah Haiwan, Hasil dan Produk Haiwan Dalam Negeri bertujuan untuk :

- 2.1 Memberi panduan dalam pengurusan kebenaran pindah haiwan, hasil dan produk haiwan dalam negeri.

- 2.2 Menyediakan prosedur yang seragam bagi pemindahan dalam negeri bagi meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan
- 2.3 Menjamin kesihatan haiwan, kesihatan awam veterinar dan kebajikan haiwan terpelihara.
- 2.4 Mengukuhkan sistem dayajejak veterinar.

3.0 SKOP

APTVM bagi Pengurusan Kebenaran Pindah Haiwan, Hasil dan Produk Haiwan Dalam Negeri meliputi arahan, prosedur dan panduan kebenaran pindah haiwan, hasil dan produk haiwan serta langkah penguatkuasaan dan kesedaran awam.

4.0 DEFINISI

4.1 Akuan Kebenaran Pindah

Dokumen yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa veterinar bagi membolehkan haiwan, hasil dan produk haiwan dipindahkan dari satu premis ke premis lain secara sah.

4.2 Akuan Kebenaran Sembelih

Dokumen yang mengesahkan bahawa pihak berkuasa veterinar membenarkan haiwan atau sebilangan haiwan berkenaan disembelih.

4.3 Dayajejak

Kebolehan menjejaki pemindahan haiwan dan produk haiwan dalam rantaian pengeluarannya.

4.4 E-Permit

Satu sistem pengurusan permit pemindahan haiwan, hasil dan produk haiwan secara elektronik.

4.5 Haiwan

Semua jenis binatang termasuk unggas kecuali manusia.

4.6 Hasil haiwan

Hasil yang dihasilkan atau diperoleh daripada haiwan yang masih hidup melalui aktiviti perladangan atau penternakan dan belum diproses seperti susu mentah, telur, wul, sarang burung walit, najis dan sebagainya.

4.7 Indeks Penyakit

Satu kawasan penyakit setempat atau tapak utama bagi sesuatu penyakit yang diuruskan melalui APTVM Pengurusan Indeks Penyakit Haiwan.

4.8 Indeks KAV

Premis pemrosesan pada semua peringkat primer dan sekunder atau lanjutan yang dikesan melanggar piawai kesihatan awam veterinar serta berada dalam pemantauan DVS.

4.9 Kuarantin

Prosedur penahanan haiwan yang di import bagi tujuan pengasingan, pemerhatian, pemeriksaan, ujian dalam stesen kuarantin bagi mencegah jangkitan kepada populasi tempatan.

4.10 Kuarantin Haiwan Berpenyakit

Penahanan wajib dalam pengasingan daripada apa-apa haiwan, burung dan benda bagi tujuan pemantauan dan kawalan penyakit bagi Kawasan Dijangkiti, Kawasan Kawalan dan Kawasan Pembasmian.

4.11 Label

Termasuk sebarang tag, brand, tanda, gambar atau penjelasan bertulis, bercetak, berstencil, bertanda, bercat, berukir atau bercap yang dilampirkan atau mengiringi sebarang hasil atau produk haiwan.

4.12 Lokasi Asal

Merujuk kepada tempat dimana sumber haiwan berada samada di premis, kampung, mukim, daerah, jajahan, kawasan atau bahagian yang dirujuk kepada status penyakit dan larangan pergerakan haiwan semasa.

4.13 Lokasi Destinasi

Merujuk kepada destinasi terakhir haiwan, hasil atau produk haiwan sampai samada di premis, kampung, mukim, daerah, jajahan, kawasan atau bahagian.

4.14 Pemandu Pengangkutan

Orang yang mengangkut haiwan dan produk haiwan dari satu lokasi ke satu lokasi lain.

4.15 Pergerakan

Perbuatan atau hal memindahkan haiwan, hasil atau produk haiwan dari satu premis ke premis lain dalam negeri yang sama.

4.16 Pengendali Haiwan

Orang yang bekerja dan/atau bersentuhan secara langsung dengan haiwan sebelum, semasa atau selepas pemindahan dijalankan.

4.17 Penternak

Orang yang menternak binatang.

4.18 Premis

Ladang, tempat, kandang, reban, rumah sembelih, loji pemprosesan, kilang makanan haiwan, klinik haiwan, kedai haiwan, pasar basah, rumah atau bangunan di mana haiwan, hasil atau produk haiwan ditempatkan atau diletakkan secara sementara atau tetap serta dijalankan perkhidmatan berkaitan haiwan, hasil atau produk haiwan.

4.19 Produk Haiwan

Produk yang terhasil daripada haiwan yang telah disembelih atau diambil daripadanya untuk aktiviti pemprosesan dan aktiviti tambah nilai misalan daging, kulit mentah, organ, tanduk, sarang burung proses, sosej, seri kaya, dadih, yogurt dan sebagainya. Produk yang dikeluarkan meliputi produk makanan atau bukan makanan.

4.20 Sijil Kesihatan Veterinar (SKV)

Dokumen yang mengesahkan kesihatan haiwan, hasil dan produknya dalam memenuhi keperluan pengurusan biosekuriti dan dayajepak dan menjadi dokumen rujukan utama serta yang paling akhir dikeluarkan oleh mereka yang bertanggungjawab.

4.21 Pengenalan Haiwan

Apa-apa tanda yang boleh memberikan pengenalan seperti tag telinga, tanda cacah, cop badan, RFID, mikrochip, tindik telinga dan 'ear notch'.

4.22 Unggas

Apa-apa unggas termasuk ayam, itik, ayam kampung angsa, ayam belanda, ayam mutiara, ayam serama, puyuh, merpati, burung unta, burung emu dan burung walit daripada apa-apa jantina, umur, baka dan generasi termasuk telur atau kacukannya dan burung-burung lain.

5.0 KATA SINGKATAN

| | |
|--------------|--|
| AKP | - Akuan Kebenaran Pindah |
| AKS | - Akuan Kebenaran Sembelih |
| APTVM | - Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia |
| DVS | - Jabatan Perkhidmatan Veterinar |
| KPPV | - Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar |
| PPVD | - Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah |
| PPVN | - Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri |
| RFID | - <i>Radio Frequency Identification</i> |
| SKV | - Sijil Kesihatan Veterinar |

6.0 ARAHAN PROSEDUR TETAP PENGURUSAN KEBENARAN PINDAH HAIWAN, HASIL DAN PRODUK HAIWAN DALAM NEGERI

6.1 Arahan Am

- 6.1.1 PPVN bertanggungjawab menetapkan dasar pergerakan haiwan dalam negeri masing-masing berasaskan kepada status penyakit sesuatu kawasan, mukim atau daerah. PVM dan APTVM berkenaan hendaklah dirujuk bagi Penyakit Wajib Lapor.
- 6.1.2 Bahagian Kesihatan Veterinar Negeri bertanggungjawab menyelaras pengurusan kebenaran pindah haiwan, hasil dan produk haiwan dalam negeri.
- 6.1.3 Semua pemindahan haiwan, hasil dan produk haiwan mestilah mendapatkan AKP.
- 6.1.4 AKS akan melayakkan haiwan untuk dipindahkan ke rumah sembelih atau loji pemprosesan yang terdekat atau dinyatakan.
- 6.1.5 AKS tidak melayakkan pemindahan haiwan, hasil dan produk haiwan untuk merentasi sempadan negeri. Prosedur pemindahan antara negeri hendaklah di gunakan jika perlu memerlukan lintas sempadan negeri. (Rujuk APTVM Pengurusan Kebenaran Pindah Haiwan dan Produk Haiwan Antara Negeri di Malaysia)
- 6.1.6 Semua pemindahan haiwan, hasil dan produk haiwan yang menggunakan pengangkutan samada antara premis, mukim, daerah, jajahan, kawasan atau bahagian hendaklah disertai SKV.
- 6.1.7 Bagi haiwan yang melalui proses kuarantin, AKP boleh dikeluarkan setelah konsigmen mendapat Sijil Kuarantin daripada pegawai kuarantin atau veterinar bertauliah (kuarantin).

- 6.1.8 Sebelum AKP dikeluarkan, semak perintah kuarantin penyakit yang masih berkuatkuasa di lokasi asal.
- 6.1.9 Semak status indeks penyakit di lokasi asal dan bandingkan dengan status lokasi destinasi untuk ditentukan samada pemindahan dibenarkan, dan diambil langkah pencegahan atau di tolak.
- 6.1.10 Bagi pemindahan produk semak status Indeks KAV sekiranya terdapat tegahan pemindahan atau perintah tarikan balik.
- 6.1.11 Bagi premis yang telah mempunyai sijil SALT, VHM, GVHP dan Kepungan, laporan kesihatan dan status penyakit boleh dirujuk untuk pengeluaran SKV tanpa pemeriksaan fizikal.
- 6.1.12 Lokasi destinasi perlu terlebih dahulu bersedia dan sesuai untuk menerima haiwan baru. Vaksinasi perlindungan mungkin perlu dijalankan keatas stok sedia ada sebelum pemindahan masuk dibenarkan.
- 6.1.13 Pengasingan daripada stok sedia ada di lokasi destinasi untuk tempoh penyesuaian amat digalakkan.
- 6.1.14 Pihak berkuasa veterinar atau veterinawan bertauliah yang menguruskan prosedur pemindahan haiwan dan produk haiwan dalam negeri mestilah memiliki perwakilan kuasa yang sah. (Rujuk APTVM Pendaftaran Veterinawan Bertauliah)

6.2 Pendaftaran Premis

- 6.2.1 Semua premis yang hendak menjalankan pemindahan haiwan dan produk haiwan dalam negeri mesti didaftar dan direkod dalam pangkalan data DVS.
- 6.2.2 Pendaftaran premis perlu dijalankan oleh pegawai di Bahagian Regulatori negeri atau pegawai lain yang berkaitan.

- 6.2.3 Setiap premis yang berdaftar akan diberi kad RFID premis yang mempunyai ID premis. Contoh : M00123
- 6.2.4 ID premis ini perlu digunakan semasa membuat pengeluaran AKP haiwan dan produk haiwan dalam negeri.
- 6.2.5 Pendaftaran premis perlu dilakukan sekali sahaja dan perlu dikemaskini sekurangnya setahun sekali semasa lawatan secara berkala. (Rujuk APTVM Pengenalan dan Dayajejak Haiwan, Hasil dan Produk serta Premisnya)

6.3 Pendaftaran Pengangkutan

- 6.3.1 Semua pengangkutan yang terlibat dalam pemindahan haiwan dan produk haiwan dalam negeri perlu berdaftar dengan DVS. Pengangkutan yang digunakan dalam pemindahan samada lori, trailer, kereta, van dan pengangkutan lain.
- 6.3.2 Pengangkutan milik penternak/ pengusaha/ pemilik premis perlu didaftarkan di bawah premis yang telah didaftarkan.
- 6.3.3 Pengangkutan yang disewa atau dipinjam juga perlu didaftarkan sebelum permohonan kebenaran pindah haiwan dan produk haiwan dilakukan.
- 6.3.4 Pengangkutan awam yang digunakan seperti kapal terbang, feri, keretapi dan pengangkutan lain perlu direkodkan untuk membolehkan dayajejak jika diperlukan.
- 6.3.5 Kebenaran hanya diberi kepada pengangkutan yang memenuhi piawai kebajikan haiwan. Kenderaan tersebut tidak boleh digunakan untuk tujuan lain yang menjejaskan kesihatan haiwan.

6.4 Pendaftaran Pemandu dan Pengendali Haiwan

- 6.4.1 Pemandu pengangkutan dan pengendali haiwan bagi setiap pemindahan hendaklah direkod dan didaftarkan.
- 6.4.2 Pemandu pengangkutan dan pengendali haiwan mesti memahami secara asas prinsip kebajikan haiwan.
- 6.4.3 Pemandu pengangkutan dan pengendali haiwan digalakkan menghadiri kursus asas kebajikan haiwan sekurang-nya sekali dalam tempoh perkhidmatan.
- 6.4.4 Pemandu pengangkutan bertanggungjawab membawa SKV bersama ternakan yang diangkut sehingga ke lokasi destinasi.
- 6.4.5 Pemandu kenderaan dan pengendali haiwan hendaklah memberi nombor telefon terkini dan perlu bersedia menjalani pemeriksaan kesihatan segera bila perlu.
- 6.4.6 Pegawai yang mengesahkan ketibaan pemindahan haiwan di lokasi destinasi hendaklah menilai prestasi kebajikan haiwan .

6.5 Pendaftaran Haiwan, Hasil dan Produk Haiwan

- 6.5.1 Setiap haiwan, hasil dan produk haiwan yang akan dipindahkan perlu diberi tanda pengenal dan berdaftar dengan DVS. (Rujuk APTVM Pengenal dan Dayajejak Haiwan, Hasil dan Produk serta Premisnya)
- 6.5.2 Haiwan seperti lembu, kambing, kerbau, bebiri, rusa, babi, anjing, kucing dan kuda perlu didaftarkan dan mempunyai nombor pengenal.
- 6.5.3 Bagi haiwan yang telah memiliki tanda pengenal, ianya hanya perlu mendaftarkan nombor tersebut.

- 6.5.4 Unggas samada ayam, itik atau puyuh akan dikenali mengikut kumpulan (batch) atau konsigmen.
- 6.5.5 Hasil dan produk haiwan akan dikenali melalui lagend, label mengikut konsigmen samada barkod atau RFID.
- 6.5.6 Semua lembu dan kerbau yang di import, di kuarantin atau dari kawasan kawalan penyakit, mesti memiliki tag RFID.
- 6.5.7 Bagi lembu dan kerbau dari kawasan lain, digalakkan memasang tag RFID ketika pemindahan bagi membolehkan dayajejak.

7.0 PROSEDUR PENGURUSAN KEBENARAN PINDAH HAIWAN, HASIL DAN PRODUK HAIWAN DALAM NEGERI

7.1 Permohonan

- 7.1.1 Permohonan kebenaran pindah haiwan, hasil dan produk haiwan hendaklah dibuat di Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah di lokasi asal.
- 7.1.2 Pegawai kaunter permit perlu memastikan samada pemindahan tersebut dalam lokasi asal, merentasi mukim, daerah, jajahan, bahagian, kawasan atau negeri.
- 7.1.3 Sekiranya merentasi negeri, permohonan perlu dibuat serentak dengan negeri penerima. (Rujuk APTVM Pengurusan Kebenaran Pindah Haiwan dan Produk Haiwan Antara Negeri di Malaysia)
- 7.1.4 Pegawai kaunter permit perlu pastikan semua arahan dalam perkara 7 dipenuhi.
- 7.1.5 Permohonan AKP perlu dibuat secara atas talian (Sistem E-Permit 2) atau dibuat secara manual dengan kebenaran KPPV.

- 7.1.6 Bagi pemindahan untuk tujuan sembelih, kebenaran sembelih perlu diperolehi daripada PPVD lokasi destinasi.

7.2 Pengurusan Akuan Kebenaran Pindah

- 7.2.1 Semua pemindahan haiwan, hasil dan produk haiwan dalam negeri kecuali untuk sembelih mesti disertai dengan AKP.
- 7.2.2 Semua syarat pemindahan masuk dan keluar haiwan, hasil atau produk haiwan akan ditetapkan oleh PPVN lokasi asal haiwan, hasil atau produk haiwan.
- 7.2.3 PPVN mempunyai kuasa menambah atau mengurangkan syarat mengikut keadaan atau status penyakit semasa di negerinya atau atas arahan KPPV.
- 7.2.4 Rujuk kepada Pendaftaran Premis pemohon serta status Indeks Penyakit Haiwan atau Indeks KAV di lokasi asal dan lokasi destinasi. PPVN boleh menjalankan analisa risiko sebelum membenar atau menolak permohonan.
- 7.2.5 Pegawai yang bertanggungjawab di lokasi asal premis berdaftar akan menjalankan pemeriksaan kesihatan dan ujian yang disyaratkan mengikut syarat PPVN.
- 7.2.6 Premis di lokasi destinasi juga perlu didaftarkan.
- 7.2.7 Pegawai di PPVD lokasi destinasi sekiranya perlu, periksa kesesuaian dan kemudahan serta risiko yang ada. Semak status penyakit dan jalankan analisa risiko serta langkah pencegahan sebelum pemindahan masuk.
- 7.2.8 Bagi produk haiwan yang telah diproses, dimasak atau telah ditambah nilai dan mempunyai label, ia boleh dikecualikan daripada AKP kecuali bagi pasaran eksport.

- 7.2.9 Prosedur pelabelan produk haiwan merujuk kepada Part IV Labelling, Food Regulations 1985.

7.3 Sijil Kesihatan Veterinar

- 7.3.1 Semua haiwan, hasil dan produk haiwan yang akan dipindahkan dinyatakan status kesihatannya melalui SKV yang akan menjadi dokumen rujukan utama dan yang terakhir dikeluarkan.
- 7.3.2 Pemeriksaan veterinar secara fizikal mesti dijalankan oleh penguasa veterinar atau veterinarawan bertauliah sebelum sebarang SKV dikeluarkan.
- 7.3.3 Haiwan, hasil dan produknya yang telah melalui pemeriksaan veterinar dan didapati sesuai untuk dipindahkan serta telah memiliki tanda pengenalan yang sah, maka ianya boleh dibenarkan untuk dimuatkan ke dalam pengangkutan.
- 7.3.4 Setelah selesai proses muatan, pengangkut tersebut hendaklah di suci hama dan di meterai.
- 7.3.5 Pegawai yang menjalankan pemeriksaan veterinar hendaklah mengeluarkan dan menandatangani SKV serta dicop nama dan jawatan.
- 7.3.6 SKV tersebut hendaklah menyatakan secara tepat dan benar status kesihatan haiwan, hasil dan produknya dalam pemindahan itu.
- 7.3.7 Nombor SKV tersebut hendaklah dicatatkan sebagai rujukan.
- 7.3.8 SKV boleh dikeluarkan oleh veterinarawan bertauliah dan hendaklah diletakkan cop nama, jawatan dan nombor daftar APC.
- 7.3.9 Maklumat dalam SKV dan nombor pendaftaran pengangkutan, ID Premis, AKP atau AKS dan nombor metri hendaklah di rekodkan ke dalam Sistem e-permit 2 dengan segera melalui SMS atau internet.

- 7.3.10 Pemeriksaan fizikal boleh dikecualikan bagi premis yang telah diberi persijilan SALT, VHM atau bebas penyakit tertentu.

7.4 Pemindahan Haiwan, Hasil Dan Produk Haiwan

- 7.4.1 Semua pemindahan haiwan, hasil dan produk haiwan dalam negeri mestilah disertai :
 - 7.4.1.1 Salinan Asal Sijil Kesihatan Veterinar
 - 7.4.1.2 Salinan Cetakan Akuan Kebenaran Pindah
- 7.4.2 Semua pemindahan untuk tujuan sembelih hendaklah disertai:
 - 7.4.2.1 Salinan Asal Sijil Kesihatan Veterinar
 - 7.4.2.2 Salinan Cetakan Akuan Kebenaran Pindah
- 7.4.3 Pemindahan haiwan, hasil dan produk haiwan hendaklah mengikut tempoh masa sahlaku SKV yang hanya boleh digunakan untuk sekali pindah sahaja.
- 7.4.4 Pemandu hendaklah mengikut laluan yang dibenarkan dan tidak menyimpang atau masuk ke kawasan lain terutama bila membawa ternakan berisiko penyakit.
- 7.4.5 Sekiranya kenderaan asal rosak dan perlu diganti semasa dalam perjalanan, pemandu bertanggungjawab memaklumkan perubahan tersebut kepada pegawai yang mengeluarkan SKV.
- 7.4.6 Sekiranya berlaku kemalangan semasa dalam perjalanan, menjadi tanggungjawab pemandu pengangkutan, pengendali haiwan atau polis yang mengendalikan kes menghubungi DVS terdekat.

7.5 Pengesahan Penerimaan Haiwan, Hasil Dan Produk Haiwan

- 7.5.1 Pegawai PPVD lokasi destinasi bertanggungjawab mengesahkan penerimaan haiwan, hasil dan produk haiwan di lapangan.
- 7.5.2 Bagi haiwan, hasil dan produk haiwan yang diterima di rumah sembelih atau loji pemprosesan ayam, pegawai rumah sembelih atau pegawai pemeriksa daging perlu mengesahkan penerimaan tersebut.
- 7.5.3 Jalankan pemeriksaan veterinar ke atas pengenalan haiwan/ kumpulan/ konsigmen untuk memastikan haiwan, hasil atau produk haiwan yang sampai ke destinasi sama seperti yang terdapat dalam SKV.
- 7.5.4 Dokumen AKP dan SKV diperiksa untuk mengesahkan penerimaan. Sebarang ketidakakuran hendaklah dirujuk kepada pegawai yang menandatangani SKV atau dilaporkan kepada Bahagian Penguatkuasa Negeri untuk tindakan selanjutnya.
- 7.5.5 Sekiranya pengangkut dimeteri, periksa meteri dan semak nombor rujukan.
- 7.5.6 Pengesahan penerimaan hendaklah di rekodkan ke dalam Sistem e-permit 2 dengan segera melalui SMS atau internet.
- 7.5.7 Setelah pengesahan dibuat secara rasmi, maka rekod ternakan akan berpindah dari lokasi asal ke lokasi destinasi dan menjadikan prosedur pemindahan selesai.
- 7.5.8 Sebarang kejadian kes penyakit semasa ketibaan hendaklah dilaporkan kepada PPVN melalui Ketua Bahagian Kesihatan Veterinar Negeri. (Rujuk APTVM Pengurusan Indeks Penyakit Haiwan)

- 7.5.9 Hubungi penternak untuk mendapatkan laporan terkini sekurang-kurangnya untuk tempoh dua minggu selepas ketibaan.

7.6 Rekod dan Laporan

- 7.6.1 PPVD hendaklah menyimpan semua rekod berkaitan :
 - 7.6.1.1 Rekod pendaftaran premis yang merangkumi maklumat pemilik, pengangkutan dan haiwan/ produk haiwan.
 - 7.6.1.2 Rekod AKP yang meliputi maklumat pengeluaran, penerima, pemandu pengangkutan dan haiwan/produk haiwan.
 - 7.6.1.3 Rekod SKV yang menunjukkan status kesihatan haiwan, nama, jawatan dan nombor telefon pegawai yang menandatangani SKV.
 - 7.6.1.4 Rekod bayaran AKP dan SKV untuk pelarasan bayaran oleh Kerani Kewangan.
- 7.6.2 PPVD perlu menyediakan laporan bulanan dan tahunan untuk dihantar kepada DVS Negeri dan Persekutuan bagi menganalisa prestasi pengurusan Akuan Kebenaran Pindah.

8.0 LANGKAH PENGUATKUASAAN

- 8.1 PPVD hendaklah memberikan kerjasama kepada pegawai penguatkuasa yang menjalankan siasatan atau pemantauan bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan kebenaran pindah di negeri masing-masing.
- 8.2 Pegawai penguatkuasa perlu menjalankan pemantauan pemindahan haiwan dan produk haiwan dari semasa ke semasa untuk mengelakkan penyeludupan dan pemindahan haiwan dan produk haiwan yang tidak sah.

- 8.3 Pegawai penguatkuasa boleh memeriksa dokumen SKV yang mesti dibawa bersama semasa perjalanan pemindahan haiwan dan produk haiwan. Maklumat dalam SKV menjadi rujukan utama dan terakhir bersama ternakan.
- 8.4 Bagi pengesahan sesuatu pemindahan, pegawai penguatkuasa dan semua penguasa veterinar boleh menyemak melalui SMS dengan menaip nombor pendaftaran pengangkut haiwan. Sekiranya perjalanan tersebut sah, nombor siri SKV, bilangan ternakan dan jenis ternakan akan dibalas melalui SMS. Tiada maklumat diberi jika perjalanan tidak sah.
- 8.5 Pegawai boleh menggunakan maklumat tersebut untuk menghubungi PPVD atau pegawai berkaitan bagi mendapatkan perincian lain dalam sistem.
- 8.6 Pegawai penguatkuasa berhak menahan, menyiasat dan mengambil tindakan undang-undang atas kesalahan tidak mempunyai dokumen pemindahan yang sah.
- 8.7 Sebarang ketidakakuran semasa pemeriksaan dan siasatan perlu dimaklumkan kepada Pengarah Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS untuk pemantauan dan penambahbaikan.

9.0 KEMPEN KESEDARAN AWAM

- 9.1 Pegawai PPVD perlu memahami kepentingan pengurusan kebenaran pindah dalam negeri. Pencegahan dan kawalan penyakit menjadi faktor utama pemantauan pemindahan dibuat.
- 9.2 Pegawai PPVD seterusnya perlu memberi kefahaman kepada pemain industri untuk memahami prosedur ini bagi melindungi kesihatan haiwan mereka dan kemajuan perniagaan mereka.
- 9.3 Bahagian Regulatori Negeri dan Bahagian Kesihatan Veterinar Negeri hendaklah memberi kesedaran kepada orang awam mengenai kepentingan pendaftaran premis dan pengurusan pemindahan haiwan, hasil dan produk haiwan untuk membantu mencegah, mengawal dan

membasmi penyakit haiwan. Kebolehan dan keupayaan mengawal sesuatu penyakit menunjukkan sistem pengurusan biosekuriti dan SPS yang cekap.

10.0 RUJUKAN

- 10.1 Akta Binatang 1953 (Semakan 2006)
- 10.2 Food Regulations 1985
- 10.3 Food Act 1983
- 10.4 OIE International Conference on Animal Identification and Traceability 2009, Abstract Book
- 10.5 Enakmen Pendaftaran Lembu Kerbau Negeri Perlis 1966
- 10.6 Enakmen Pemeliharaan Babi Negeri Perlis 1987
- 10.7 Enakmen Perladangan Unggas Negeri Perlis 2006
- 10.8 Enakmen Pendaftaran Lembu Kerbau Negeri Kedah (Pindaan pertama 1990)
- 10.9 Enakmen Perladangan Unggas (Kedah Darul Aman) 2005
- 10.10 Enakmen Pengawalan Penternakan Babi Negeri Perak 1992
- 10.11 Enakmen Perladangan Unggas Negeri Perak 2005
- 10.12 Enakmen Mengawal Lembu-Kerbau Negeri Selangor 1971
- 10.13 Enakmen Pengawalan Penternakan Babi Negeri Selangor 1991
- 10.14 Enakmen Perladangan Unggas (Negeri Selangor) 2007
- 10.15 Enakmen Pengawalan Penternakan Babi N. Sembilan 1981
- 10.16 Enakmen Kawalan dan Perlesenan Penternakan Unggas dan Aktiviti Berkaitan
- 10.17 Penternakan Unggas 1996


- 10.18 Rearing of Pigs Enactment (State of Malacca) 1980
- 10.19 Poultry Farming (State of Malacca) Enactment 2005
- 10.20 Enakmen Memelihara Babi Negeri Johor 1975
- 10.21 Enakmen Kawalan dan Perlesenan Ladang Unggas Negeri Johor 1997
- 10.22 Enakmen Lembu Kerbau Negeri Kelantan 1968 (Pindaan 1983)
- 10.23 Enakmen Pendaftaran Kerbau Lembu Negeri Terengganu 1995
- 10.24 Enakmen Memelihara Babi Negeri Terengganu 1976
- 10.25 Enakmen Kawalan Kerbau - Lembu Negeri Pahang 2001
- 10.26 Enakmen Kawalan Penternakan Babi Negeri Pahang 1998
- 10.27 Enakmen Perladangan Unggas Negeri Pahang 2005
- 10.28 Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang, 14hb Februari 2008
- 10.29 Warta Kerajaan Negeri Pahang, 12hb Ogos 2004
- 10.30 Warta Kerajaan Negeri Selangor, 22hb November 2007
- 10.31 Laws of Sarawak, Chapter 32, Veterinary Public Health Ordinance, 1999 (Semakan 2008)
- 10.32 Animal Ordinance 1962 (Sabah No. 16 of 1962)
- 10.33 APTVM Pengurusan Kebenaran Pindah Haiwan dan Produk Haiwan Antara Negeri di Malaysia
- 10.34 APTVM Pengurusan Indeks Penyakit Haiwan
- 10.35 APTVM Pengenalan dan Dayajepak Haiwan, Hasil dan Produk serta Premisnya


Lampiran 1

**CARTA ALIRAN KERJA PENGURUSAN KEBENARAN PINDAH HAIWAN,
HASIL DAN PRODUK HAIWAN DALAM NEGERI**

Pegawai Bertanggungjawab

Aktiviti





Petunjuk :

- AKP - Akuan Kebenaran Pindah
- SKV - Sijil Kesihatan Veterinar
- PPVNLA - Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah Lokasi Asal
- PPVNLD - Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah Lokasi Destinasi

**JAWATANKUASA PENYEDIAAN APTVM
PENGURUSAN KEBENARAN PINDAH HAIWAN,
HASIL DAN PRODUK HAIWAN DALAM NEGERI**

Penasihat

Y.Bhg. Dato' Dr. Mohamad Azmie bin Zakaria

Pengarah Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS

Sidang Pengarang

Dr. Salina binti Amad Bugis

Seksyen Kawalan dan Pembasmian Penyakit

PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penyediaan APTVM ini, khususnya;

- 1) Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia
- 2) Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia (KV)
- 3) Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia (P)
- 4) Semua Pengarah Bahagian, IPPV
- 5) Semua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri
- 6) Semua Ketua Seksyen, IPPV
- 7) Semua Ketua Bahagian Kesihatan, Perkhidmatan Veterinar Negeri
- 8) Semua Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah/Jajahan



**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
MALAYSIA**